


MAKLUMAN GERHANA BULAN PENUH

14 REJAB 1432H / 16 JUN 2011

Hadis riwayat Muslim yang bermaksud:

Sesungguhnya matahari dan bulan merupakan dua tanda daripada tanda-tanda (kebesaran) Allah. Tidak berlaku gerhana pada kedua-duanya kerana kematian seseorang dan tidak pula kerana kelahirannya. Maka apabila kamu melihat gerhana maka bersolatlah dan berdoalah sehingga kembali terang (hilang gerhana).

Proses gerhana



Fasa Gerhana Bulan Penuh	Tarikh	Jam (WPM)	Altitud	Azimut
Bulan terbit	15/6/2011	18:57	-	-
Bulan memasuki penumbra (P1)	16/6/2011	01:25	62° 57' 56"	189° 12' 23"
Bulan memasuki umbra (U1)	16/6/2011	02:23	57° 43' 28"	213° 25' 30"
Gerhana penuh bermula (U2)	16/6/2011	03:22	48° 12' 58"	228° 44' 10"
Kemuncak gerhana	16/6/2011	04:12	38° 33' 46"	236° 27' 55"
Gerhana penuh berakhir (U3)	16/6/2011	05:02	28° 11' 56"	241° 19' 56"
Bulan meninggalkan umbra (U4)	16/6/2011	06:01	15° 31' 15"	244° 47' 35"
Bulan meninggalkan penumbra (P4)	16/6/2011	06:59	02° 58' 55"	246° 33' 56"
Bulan terbenam	16/6/2011	07:16	-	-

Lokasi : Putrajaya dan kawasan sekitar

Sumber: JUPEM

Konsep dan keterangan

Gerhana bulan hanya akan berlaku ketika bulan purnama. Ketika itu bulan berada bersejajaran dengan bumi dan terlindung daripada matahari. Ini bermakna bulan akan memasuki bayang bumi dan menghilang.


Gerhana bulan penuh berlaku apabila bulan memasuki kawasan bayang umbra bumi. Gerhana bulan penuh 16 Jun 2011 bermula dengan bulan memasuki bayang penumbra pada jam 1:25 pagi seterusnya bayang umbra pada jam 2:23 pagi. Tempoh berlakunya keseluruhan gerhana adalah 5 jam 34 minit.

Selain gerhana bulan penuh pada 16 Jun 2011, terdapat juga gerhana bulan separa dan penumbra. Gerhana bulan separa (*partial*) berlaku apabila sebahagian bulan sahaja yang masuk ke dalam bayang umbra bumi dan sebahagian lagi berada dalam bayang penumbra bumi sepanjang fenomena berlaku.

Manakala gerhana bulan penumbra (*penumbra*) berlaku apabila bulan masuk ke dalam bayang penumbra bumi tetapi tidak masuk ke dalam bayang umbra bumi. Gerhana jenis ini sukar dikesan dengan mata kasar.

Cara cerapan : Mata kasar, binokular atau teleskop

Maklumat Laluan Gerhana Bulan Penuh Pada 16 Jun 2011 Masjid Putra, Putrajaya Latitud: 2° 56' 10" U, Longitud: 101° 41' 22" T



Solat Sunat Gerhana Bulan

Lafaz niat:

Maksudnya;

“Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat kerana Allah Taala.”

Kaifiat:

Solat sunat gerhana boleh dilakukan sama ada secara berseorangan atau berjemaah dan sebaiknya dilakukan secara berjemaah. Khaifiat yang lebih sempurna adalah seperti berikut:

a. Rakaat Pertama


1. Takbiratul Ihram.
2. Membaca doa iftitah.
3. Membaca surah al-Fatihah.
4. Membaca surah al-Baqarah atau mana-mana surah.
5. Ruku' dan membaca tasbih kira-kira 100 ayat.
6. Iktidal serta membaca surah al-Fatihah.
7. Membaca surah Ali-Imran atau mana-mana surah.
8. Ruku dan membaca tasbih kira-kira 90 ayat.
9. Iktidal.
10. Sujud dan membaca tasbih.
11. Duduk antara 2 sujud.
12. Sujud kembali.
13. Berdiri ke rakaat kedua.

b. Rakaat Kedua

1. Membaca surah al-Fatihah.
2. Membaca surah al-Nisa' atau mana-mana surah.
3. Ruku' dan membaca tasbih kira-kira 70 ayat.
4. Iktidal serta membaca surah al-Fatihah.
5. Membaca surah al-Maidah atau mana-mana surah.
6. Ruku dan membaca tasbih kira-kira 50 ayat.
7. Iktidal.
8. Sujud dan membaca tasbih.
9. Duduk antara 2 sujud.
10. Sujud kembali.
11. Membaca tasyahud akhir.
12. Memberi salam.

Solat juga boleh dilakukan dengan dua kali berdiri, dua kali bacaan dan dua kali ruku' sebagaimana solat biasa tanpa memanjangkannya. Begitu juga sah dilakukan sebanyak dua rakaat dengan dua kali berdiri dan dua kali ruku' sebagaimana solat fardu Jumaat. Namun cara ini meninggalkan fadhilat kerana berlainan daripada perbuatan Nabi. Lampiran.

Peta langit malam pada 15 Jun 2011 jam 09:00 malam di Masjid Putra



Sumber:
Perisian Stellarium



Contoh Imej Zuhal (Saturn)